

MITASA



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



ISO 9001:2000 No. Sijil KLR 0404089



**Terbaik antara
Terbaik**

**Konvensyen
Akademik**

**'Kenaikan
Tangga Gaji'**

**Selamat
Tahun
Baru**

2008

RAYUAN KENAIKAN PANGKAT DM52

Alhamdulillah, pensyarah yang berjaya dalam permohonan ke jawatan pensyarah Gred DM52 baru-baru ini telah mendapat surat tawaran. Tahniah kepada mereka yang berjaya .

PERJUMPAAN DENGAN PENDAFTAR

Pada 17hb Julai 2006, MITASA telah mengadakan perjumpaan dengan Pendaftar UiTM. Antara isu yang dibincangkan ialah:

1. Penilaian Prestasi adalah tanggungjawab fakulti dan juga pusat di mana pensyarah ditempatkan.
2. MITASA memohon penjelasan tentang nisbah Penolong Pendaftar dengan staf di fakulti.
3. Garis Panduan tentang Disiplin Pelajar.
4. P.P. Bil 31 Tahun 2005 – Pihak MITASA dimaklumkan, sehingga kini tiada surat penjelasan terperinci berkaitan pelaksanaan Pekeliling tersebut dari pihak JPA.



Perjumpaan Dengan Pengerusi Lembaga Pengarah

Pertemuan dengan YBhg Tan Sri Dato' Dr Wan Mohd Zahid Wan Mohd Noordin, Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, pada Julai 2006. Beliau telah bersetuju untuk mengadakan perjumpaan dengan MITASA sebanyak dua kali dalam setahun.



Bersama Tan Sri Dato' Dr Wan Mohd Zahid , Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM



Perjumpaan Dengan Menteri Pengajian Tinggi

Berita baik untuk MITASA : Menteri Pengajian Tinggi bersetuju berjumpa MITASA sebanyak dua kali dalam setahun.



Mesyuarat Agung Ke-28

Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ke-28 telah diadakan pada 10 September 2007 bertempat di Dewan Sri Impian, Hotel UiTM. Kali ini, semua jawatan telah dimenangi tanpa sebarang pertandingan. Kekosongan dua jawatan EXCO telah diberikan mandat kepada Ahli Majlis Kerja untuk mengisinya.

Beberapa cadangan telah dijadikan sebagai usul di dalam mesyuarat tersebut, dan kesemua usul tersebut telah dibawa ke dalam Mesyuarat Bersama Jabatan UiTM/MITASA pada 7 Disember 2007.



Mesyuarat Agung sedang berlangsung